

09 MAY 2001

YANG DIPERTUAN AGONG HADIRI MAJLIS SANTAPAN DIRAJA

KANGAR, 9 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah malam ini berangkat ke majlis santapan diraja di Istana Arau di sini.

Majlis itu diadakan sempena istiadat pertabalan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid di sini, Isnin lalu.

Turut berangkat ke majlis santapan itu ialah sultan-sultan serta permaisuri, wakil sultan, kerabat diraja serta Yang Dipertua negeri-negeri.

Antara yang berangkat ialah Sultan Kedah, Sultan Pahang, Sultan Perak, Sultan Kelantan, Sultan Terengganu, Yang Dipertuan Besar Negri Sembilan, Pemangku Raja Selangor, Tunku Bendahara Johor dan Pengiran Muda Mahkota Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

AD PR